

# Kem bersepadu tingkat jati diri

**KUALA PILAH** - Seramai 50 pelajar lapan sekolah terpilih mengikuti Kem Bersepadu Sekolah Angkat Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Hutan Lipur Jeram Tengkek, dekat sini, bermula 27 Februari hingga 1 Mac, lalu.

Penyelaras Kem, Staf Kanan (SK) Kamaruddin Saad berkata, aktiviti ini melibatkan 25 pelajar lelaki dan 25 pelajar perempuan berumur 14 dan 17 tahun.

Menurutnya, kem ini pertama kali dianjurkan badan beruniform Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Sispa) Usim dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Negeri Sembilan.

"Sekolah terlibat ialah sekolah angkat Usim antaranya Sekolah Menengah Agama (SMA) Persekutuan Kajang (5 orang), SMA Tinggi Tengku Ampuan Jemaah Shah Alam (5 orang), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah Kajang (5 orang), SMKA Sheikh Haji Mohd Said (4 orang), dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Salak Tinggi (7 orang)," katanya.

Kamaruddin berkata, kem ini bertujuan menanam semangat patriotik dalam kalangan pelajar selain memberi pendedahan terhadap jati diri dan ikhtiar hidup di hutan.



**Peserta Kem Bersepadu Sekolah Anak Angkat Usim di Hutan Lipur Jeram Tengkek.**